



**TITAH DIRAJA**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**SEMPENA**

**MAJLIS SANTAPAN NEGARA BAGI MERAIKAN TUAN YANG  
TERUTAMA MOON JAE-IN PRESIDEN REPUBLIK KOREA**

**PADA**

**13 MAC 2019 [RABU]  
BERSAMAAN 06 REJAB 1440 HIJRAH**

**BERTEMPAT DI  
DEWAN SANTAPAN UTAMA, ISTANA NEGARA  
KUALA LUMPUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام  
على اشرف الانبياء والمرسلين  
وعلى اله وصحبه اجمعين  
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري  
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

TUAN YANG TERUTAMA MOON JAE-IN DAN PUAN YANG TERUTAMA KIM JUNG-SOOK ,  
TUAN-TUAN YANG TERUTAMA ,  
DIF-DIF JEMPUTAN KEHORMAT ,  
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN ,

SUKACITA BETA DAN RAJA PERMAISURI AGONG INGIN MENZAHIRKAN RASA GEMBIRA DAN MENGALU-ALUKAN LAWATAN NEGARA TUAN YANG TERUTAMA MOON JAE-IN, PRESIDEN REPUBLIK KOREA DAN PUAN YANG TERUTAMA KIM JUNG-SOOK SERTA AHLI DELEGASI REPUBLIK KOREA KE MALAYSIA.

SESUNGGUHNYA, BETA AMAT BERBESAR HATI MENERIMA KUNJUNGAN TUAN YANG TERUTAMA DAN PUAN YANG TERUTAMA. LAWATAN INI MERUPAKAN LAWATAN NEGARA PERTAMA KE ATAS BETA DAN RAJA PERMAISURI AGONG SEJAK MENAIKI TAHTA PADA 31 JANUARI 2019. BETA BERHARAP AGAR LAWATAN INI

MENJADI SATU LAWATAN YANG BERJAYA DAN MEMBERIKAN KENANGAN YANG MANIS KEPADA TUAN YANG TERUTAMA, PUAN YANG TERUTAMA DAN DELEGASI.

TUAN YANG TERUTAMA, PUAN YANG TERUTAMA DAN PARA HADIRIN SEKALIAN ,

MALAYSIA DAN REPUBLIK KOREA TELAH MENJALIN PERSAHABATAN YANG BAIK DAN MESRA SEJAK BERMULANYA HUBUNGAN DIPLOMATIK DI ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA PADA TAHUN 1960. HUBUNGAN INI MENJADI LEBIH KUKUH DENGAN PELAKSANAAN DASAR PANDANG KE TIMUR PADA TAHUN 1982. BETA AMAT GEMBIRA MELIHAT PENINGKATAN HUBUNGAN YANG AMAT KETARA DI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DI BAWAH DASAR INI, YANG MANA IANYA TELAH MENGHASILKAN KERJASAMA DI DALAM PELBAGAI BIDANG DI ANTARA KEDUA - DUA BUAH NEGARA.

DI KESEMPATAN INI, BETA INGIN MENZAHIRKAN RASA KAGUM TERHADAP PELBAGAI KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI OLEH REPUBLIK KOREA. SEBAGAI SEORANG PEMINAT SUKAN, BETA MASIH INGAT KETIKA MANA KEDUA-DUA PASUKAN BOLASEPAK KITA BERADA PADA TAHAP YANG SETARA. WALAU BAGAIMANAPUN, PASUKAN REPUBLIK KOREA TELAH BERGERAK JAUH LEBIH MAJU KEHADAPAN HASIL DARI DEDIKASI DAN KEAZAMAN PARA PEMAIN SERTA PENTADBIRNYA. BETA BERHARAP AGAR KEJAYAAN INI AKAN DICONTOHI OLEH RAKYAT MALAYSIA DAN MUNGKIN SUATU HARI NANTI, KEDUA - DUA PASUKAN KITA AKAN BERTEMU SEBAGAI LAWAN YANG SETARAF.

TUAN YANG TERUTAMA, PUAN YANG TERUTAMA DAN PARA HADIRIN SEKALIAN,

DARI SUDUT EKONOMI, SUKA BETA NYATAKAN DI SINI BAHAWA REPUBLIK KOREA MERUPAKAN RAKAN DAGANG YANG KE-8 TERBESAR MALAYSIA DAN PELABUR YANG KE-13 TERBESAR DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2018. KEDUA - DUA NEGARA JUGA TELAH BERJAYA MENCAPAI KEMAJUAN YANG BESAR DI DALAM PELBAGAI BIDANG KERJASAMA TERMASUKLAH PELANCONGAN, PENDIDIKAN, PERTAHANAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA.

MANAKALA DI PERINGKAT KERJASAMA SERANTAU PULA, MALAYSIA DAN REPUBLIK KOREA SEDANG BERGANDING BAHU DI DALAM MEMPERKUKUHKAN LAGI PERANAN ASEAN. MALAH BETA YAKIN DENGAN PELAKSANAAN NEW SOUTHERN POLICY YANG TELAH DIPERKENALKAN OLEH TUAN YANG TERUTAMA, IANYA AKAN MENJADI PEMANGKIN KEPADA USAHA UNTUK MEMPERKASAKAN LAGI RANTAU INI, DISAMPING MEMPERTINGKATKAN LAGI PEMBANGUNAN YANG PRAGMATIK DI ANTARA ASEAN DAN REPUBLIK KOREA.

OLEH ITU, ADALAH MENJADI HARAPAN BETA AGAR LAWATAN BERSEJARAH INI AKAN DAPAT MEMBUKA PELUANG KERJASAMA BAHARU DI ANTARA KEDUA - DUA BUAH NEGARA BERDASARKAN KEPADA SIKAP SALING PERCAYA DAN HORMAT-MENGHORMATI. DENGAN GANDINGAN KERJASAMA YANG ERAT, MALAYSIA DAN REPUBLIK KOREA SECARA BERSAMA DAPAT MEMACU SEPENUHNYA POTENSI SEDIA ADA, SETERUSNYA MENYUMBANGKAN KEPADA KEKAYAAN SERTA KEMAKMURAN DI RANTAU INI DEMI MANFAAT RAKYAT DI KEDUA - DUA BUAH NEGARA.

TUAN YANG TERUTAMA , PUAN YANG TERUTAMA DAN PARA HADIRIN SEKALIAN ,

BETA DAN RAJA PERMAISURI AGONG SEKALI LAGI INGIN MENZAHIRKAN RASA GEMBIRA DAN MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN TUAN YANG TERUTAMA DAN PUAN YANG TERUTAMA SERTA DELEGASI KE MALAYSIA. SEMOGA LAWATAN NEGARA YANG PENUH BERMAKNA INI AKAN DAPAT MENERATKAN LAGI TALI PERSAHABATAN KITA DAN MENGUKUHKAN LAGI JALINAN HUBUNGAN DUA HALA YANG SEDIA ADA DI ANTARA MALAYSIA DAN REPUBLIK KOREA.

AKHIR KALAM, BETA DAN RAJA PERMAISURI AGONG INGIN MENDOAKAN KESEJAHTERAAN DAN KESIHATAN YANG BAIK KEPADA TUAN YANG TERUTAMA DAN PUAN YANG TERUTAMA, SERTA DEMI KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN RAKYAT REPUBLIK KOREA.

WABILLAHİ TAUFİK WALHİDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHİ WABARAKATUH.

TUAN YANG TERUTAMA DAN PUAN YANG TERUTAMA ,  
TETAMU-TETAMU KEHORMAT ,  
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN ,

BETA DAN RAJA PERMAISURI AGONG DENGAN SUKACITANYA INGIN  
MEMPERSILAKAN PARA HADIRIN UNTUK BERSAMA-SAMA BETA DAN RAJA  
PERMAISURI AGONG, MENGUCAPKAN SELAMAT SEJAHTERA KEPADA TUAN YANG  
TERUTAMA MOON JAE-IN , PUAN YANG TERUTAMA KIM JUNG-SOOK SERTA  
KEPADA KEMAKMURAN PERSAHABATAN DI ANTARA RAKYAT MALAYSIA DENGAN  
REPUBLIK KOREA.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YOUR EXCELLENCY AND MADAM,  
EXCELLENCIES,  
DISTINGUISHED GUESTS,  
LADIES AND GENTLEMEN.

PLEASE JOIN US IN A WELCOMING TOAST TO HIS EXCELLENCY PRESIDENT  
MOON JAE-IN, MADAM FIRST LADY KIM JUNG-SOOK AND TO THE EVERLASTING  
FRIENDSHIP BETWEEN THE PEOPLE OF MALAYSIA AND THE REPUBLIC OF KOREA.